



Lembar fakta awal KESELAMATAN api



Petua di keliling rumah

Kelakuan keselamatan kebakaran bergantung pada kesedaran tentang risiko dan mengetahui apa yang harus dilakukan untuk mengurangkan risiko tersebut. Pengawasan yang mencukupi dan teladan positif bagi anak kecil adalah amat penting. Ibu bapa dan penjaga dapat membantu mengurangkan risiko ini dengan mengawal dan menghapuskan bahaya kebakaran yang mungkin di keliling rumah.

Petua keselamatan untuk dapur

- Pastikan kanak-kanak tidak masuk ke dapur semasa memasak, atau ajar mereka tentang bahaya daripada permukaan yang panas
- Jauhkan kanak-kanak daripada makanan dan cecair yang panas
- Air masih dapat menyebabkan luka bakar sampai 30 minit setelah mendidih
- Awasi kabel yang turun di bawah paras meja kerana boleh ditarik
- Gunakan alas meja yang tidak gelincir dan bukannya kain meja
- Jangan sekali-kali minum minuman panas semasa kanak-kanak duduk pada paha anda

Petua keselamatan untuk bilik air

- Suhu am air panas di rumah harus berada sekitar 50°C
- Selalu gunakan air sejuk dahulu dan terakhir
- Jangan sekali-kali meninggalkan kanak-kanak bersendirian di bilik air. Jika anda perlu membuka pintu atau menjawab telefon, bawah kanak-kanak bersama anda
- Pastikan pintu tetap tutup apabila bilik air tidak digunakan
- Kacau air untuk supaya air panas dan sejuk bercampur – ini membantu mengelakkan tempat yang berair panas dalam bak mandi
- Uji air dengan termometer terlebih dahulu. Suhu sempurna harus antara 36°C dan 38°C

Keselamatan keluaran

Bilik air

Cadar mandi
Termometer bak mandi
Kunci almari
Penutup kepala paip
Kunci tandas

Dapur

Kunci almari
Selimut api
Set kunci magnetik
Kunci serba guna
Kunci ketuhar
Pelindung dapur
Penutup dapur dan pemutar dapur

Rumahtangga am

Pemutar kabel
Pemadam api
Kunci magnetik
Kunci serba guna
Penutup mata kuasa
Jalur pelindung untuk pintu
Pintu keselamatan
Alarm asap
Kunci video / DVD

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



www.cfa.vic.gov.au



www.mfb.vic.gov.au

Lembaga Api Negara (Country Fire Authority (CFA)) dan Dewan Perkhidmatan Api dan Kecemasan Metropolitan (Metropolitan Fire and Emergency Services Board (MFB)) menyediakan maklumat dan bahan ini atas pengurian bahawa anda berhati-hati apabila digunakan. Jika anda tidak pasti tentang penggunaan maklumat ini dalam keadaan anda yang tertentu, anda harus mendapatkan nasihat pakar lanjut. CFA dan MFB tidak menerima tanggungjawab atas cara anda menggunakan, memastikan atau bergantung pada maklumat yang diberi. CFA dan MFB tidak menerima sebarang liabiliti atas sebarang kerugian atau sebarang maklumat yang tidak sengaja atau sebarang kekurangan yang tidak sengaja yang tidak diketahui.

